

29 NOV 2003

Syed Hamid-Penambakan

RANGKA KERJA PANEL PAKAR M'SIA-S'PURA AKAN DIPERHALUSI

KOTA TINGGI, 29 Nov (Bernama) -- Malaysia dan Singapura akan menghalusi pelbagai dasar dan rangka kerja panel pakar bebas bersama yang diwujudkan bagi memantau kerja penambakan laut di Pulau Tekong dan Tuas, pada pertemuan kali kedua para pegawai kanan nanti.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata perbincangan pegawai kanan kedua-dua negara itu dijadual berlangsung di Putrajaya pada Disember atau Januari tahun depan.

"Perbincangan kali ini akan menghalusi pelbagai dasar dan rangka kerja yang dipersetujui bersama pada mesyuarat kali pertama di Putrajaya Sabtu lalu ((bermula 20 Nov), sebelum ia dapat dilaksanakan sepenuhnya," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di Jalan Lombong di sini hari ini.

Katanya mesyuarat kali pertama itu para pegawai kanan itu telah bersetuju melantik pakar bebas bersama bagi melaksanakan kajian kesan penambakan laut itu berikutan keputusan Tribunal Antarabangsa bagi Undang-undang Laut (ITLOS) yang bersidang di Hamburg, Jerman pada 8 Okt lalu.

ITLOS dalam keputusannya antara lain mengarahkan Singapura tidak melaksanakan projek penambakan dalam cara yang boleh menjejaskan hak Malaysia, atau menyebabkan kerosakan serius terhadap persekitaran marin dengan mengambil kira laporan daripada kumpulan pakar bebas dan Malaysia diarahkan memberi kerjasama untuk memberi komen dan kajiannya kepada Singapura.

Ketika ditanya mengenai perkembangan pengalihan paip air milik Lembaga Kemudahan Awam (PUB) Singapura yang terletak dalam kawasan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Johor Baharu yang masih belum mendapat jawapan walaupun kertas cadangan pengalihan itu sudah dihantar sebulan lalu, Syed Hamid berkata Wisma Putra akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan Singapura.

"Perkara ini perlu diselesai secara bijak di meja perundingan dan isu itu sepatutnya tidak menimbulkan masalah dan pertelingkahan," katanya sambil menegaskan bahawa Johor dan Singapura mempunyai hubungan dua hala yang baik.

Projek yang dimajukan oleh syarikat Gerbang Perdana itu meliputi pembinan kompleks KIK bernilai RM1.26 bilion dan jambatan jalan raya serta jambatan kereta api bernilai RM1.1 bilion.

Keseluruhan projek itu yang akan menukar imej bandaraya Johor Baharu itu dijangka siap pada akhir 2005. Ia dilancarkan secara rasmi oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad Ogos lepas.

-- BERNAMA

BH RON